

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan peranan JAKIM bagi menjaga kepentingan umat Islam dalam pensijilan halal produk makanan; dan
- b) adakah Kerajaan bersedia membantu mempromosi Kempen Buy Muslim First (BMF) yang telah disalah anggap sebagai gerakan memboikot produk kaum lain.

**JAWAPAN : (YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

**Soalan (a)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kabinet telah memutuskan pada 18 September 2019 bahawa Majlis Halal Malaysia telah dijenamakan semula kepada Majlis Pembangunan Industri Halal di mana JAKIM bukan lagi bertindak sebagai sekretariat. Sebaliknya JAKIM bertanggungjawab kepada bidang teknikal dalam ekosistem halal yang merangkumi aspek:

- (i) Pensijilan dan integriti pensijilan
- (ii) Akreditasi
- (iii) Regulatori
- (iv) Latihan

## NO. SOALAN : 2

Kerajaan telahpun mewujudkan pelbagai inisiatif dan perancangan untuk meningkatkan peranan JAKIM dalam bidang teknikal ini bagi menjaga kepentingan umat Islam dalam pensijilan halal produk makanan dan perkhidmatan. Antaranya adalah melalui:

- (i) Dalam bidang akreditasi, regulatori dan pensijilan- **Penubuhan International Halal Authority Board (IHAB)**. IHAB yang dianggotai oleh pihak berkuasa dan badan pensijilan halal dari 45 buah negara mampu menggerakkan matlamat ke arah penyeragaman dan pengharmonian proses pelaksanaan pensijilan halal di kebanyakan negara di dunia. IHAB akan menjadi platform dalam mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju halal global melalui pelaksanaan pengiktirafan pihak berkuasa dan badan pensijilan halal luar negara. Sehingga 3 Disember 2019 JAKIM telah mengiktiraf 78 buah badan pensijilan halal dari 45 buah negara. Pengiktirafan diberikan berdasarkan kepada pematuhan dan pelaksanaan piawaian halal yang menepati ciri-ciri dan model Malaysia. Secara tidak langsung pengiktirafan ini menjadi mekanisme penyelaras di peringkat antarabangsa di mana Badan-badan Pensijilan Halal ini perlu menerima standard dan piawaian Halal Malaysia. Mesyuarat Agung IHAB pada 1 April 2019 yang lalu telah melantik Malaysia sebagai Pengurus dan Setiausaha Agong IHAB bagi penggal 2019-2021.
- (ii) Dalam bidang pensijilan dan integriti pensijilan, regulatori dan latihan - **Penubuhan Institut Halal Malaysia (IHM)**. IHM dibangunkan secara berperingkat-peringkat di atas tanah berkeluasan 45 ekar di Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Pembangunan fizikal IHM adalah berdasarkan peruntukan di bawah RMK-10, RMK-11 dan RMK-12. IHM akan mengandungi pusat-pusat seperti berikut:
  - (a) Pusat Analisis Halal Malaysia atau pun **Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC)**. Dibina di bawah peruntukan RMK-10 dan telah mula beroperasi pada Oktober 2015. MyHAC merupakan makmal analisis halal yang dikendalikan di bawah JAKIM dengan Juru Analisis terdiri daripada Pegawai Teknologi Makanan dan Pegawai Sains yang merupakan kader dari Kementerian Kesihatan dan

## NO. SOALAN : 2

Jabatan Kimia Malaysia. Pusat ini akan meletakkan Malaysia terhadapan dengan keupayaan saintifik dalam mengukuhkan pensijilan halal dan meningkatkan keyakinan pengguna;

- (b) **Gudang Eksibit Halal** akan dibina di bawah RMK-11 dan mula dibina pada tahun 2020. Pembinaan gudang ini akan mengukuh dan memperkasa aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan halal. Ini kerana fasiliti ini akan menjadi pusat operasi pemantauan dan penguatkuasaan halal;
- (c) **Pusat Latihan Halal dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Halal** akan dipohon di bawah RMK-12. Pusat ini akan menjadi tempat menjalankan latihan untuk auditor halal, tenaga pengajar halal dan badan-badan pensijilan halal. Manakala Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Halal akan berfungsi menjalankan kajian-kajian berkaitan pengukuhan dan pemerkasaan pensijilan halal dan penggunaan teknologi dan inovasi dalam penghasilan produk halal.

Dalam bidang latihan juga, pada tahun 2016 JAKIM telah menubuhkan Halal Profesional Board (HPB) sebagai badan pengawal kepada Pusat Latihan dan Tenaga Pengajar Halal. Sekarang ini JAKIM mendaftarkan sebanyak 32 Penyedia Latihan Halal dan 250 tenaga pengajar halal. HPB juga telah mengeluarkan 2 modul latihan iaitu Eksekutif Halal Bertauliah dan Juru Audit Halal Dalaman Bertauliah.

- (iii) Dalam bidang pensijilan dan integriti pensijilan Mendapatkan **akreditasi ISO/IEC 17065 (Conformity Assessment – Requirements for Bodies Certifying Products, Process and Services)** sebagai sebuah badan pensijilan halal, ianya penting bagi mewujudkan sistem pengurusan kualiti dalam pensijilan halal yang sistematik dan berintergriti bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik serta memenuhi keperluan pelanggan. Melalui pengiktirafan ini juga sijil halal

## **NO. SOALAN : 2**

Malaysia akan mendapat lebih banyak pengiktirafan dan membantu dalam aktiviti perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Soalan (b)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan pelbagai pihak dan kumpulan dalam negara ini. Sebarang usaha memboikot atau menidakkannya hak dan peluang pihak lain tidak sepatutnya berlaku. Oleh itu Kerajaan menggalakkan Buy Malaysian First yang mengutamakan produk dan perkhidmatan halal tempatan.
2. Penekanan adalah lebih kepada konsep halalan toyyiban yang diberi tumpuan dalam pensijilan halal meliputi semua aspek termasuk dari bahan ramuan, proses penyediaan, kesucian peralatan, kebersihan premis serta pengendalian yang mementingkan pematuhan Syariah, keselamatan, kualiti dan jaminan integriti sesuatu produk atau perkhidmatan.
3. Perlu diingat bahawa di sebalik industri halal yang dijalankan oleh usahawan bukan Islam terdapat ramai pekerja Muslim yang bergantung harap dan mencari rezeki. Sekiranya berlaku sesuatu pada syarikat boleh menjaskan mereka juga.
4. Selain itu Mesyuarat Post-Kabinet Agensi-agensi Agama telah bersetuju supaya agensi-agensi agama membantu mempromosi produk-produk halal yang diusahakan oleh usahawan Muslim.

Sekian, terima kasih.